

24 NOV 1996

Apec-Misuari (Bergambar)

NUR MISUARI MULA LAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA MINDANAO

Oleh: Yong Soo Heong

MANILA, 24 Nov (Bernama) -- Satu ketika dahulu, apabila pemimpin pejuang pembebasan Moro, Nur Misuari berkata bahawa beliau mahu membina sebatang lebuh raya enam lorong untuk rakyatnya di Selatan Filipina, banyak pihak berpendapat beliau hanya berjenaka.

Tetapi kini, sebagai Gabenor Mindanao, beliau bercakap mengenai rancangan untuk membina lebuh raya 10 lorong, kerana beliau berpendapat prasarana sedemikian amat penting untuk membawa masuk pembangunan ke wilayah itu dan memberikan masa depan yang cerah kepada rakyatnya.

"Saya mahu supaya rakyat mendapat sistem jalan raya yang terbaik," kata Nur Misuari dalam satu temuramah dengan para pemberita Malaysia.

Namun begitu banyak pihak yang masih ragu-ragu dengan keupayaan beliau untuk melaksanakan rancangan itu, khususnya mengenai keupayaan beliau mencari sumber kewangan untuk membiayai projek sedemikian.

Nur Misuari, yang berjuang dalam peperangan selama 28 tahun menentang kerajaan Filipina, lebih optimis dengan rancangannya itu.

Beliau berpendapat banyak sumber kewangan di luar negara yang boleh digunakan untuk tujuan itu dan terpulang kepada para pemimpin Mindanao bagi menarik pelaburan.

Sebagai permulaan, Nur Misuari berkata beliau mengharapkan negara-negara Islam seperti Malaysia, Brunei, Indonesia dan Asia Barat untuk membantu, selain daripada Bank Pembangunan Islam sebagai sumber kewangan boleh digunakan membawa pembangunan kepada rakyat Mindanao.

Tetapi kini beliau tidak perlu bergantung hanya kepada negara-negara Islam kerana beliau turut mendapat perhatian meluas masyarakat antarabangsa. Selepas perjanjian damai yang dimeterai dengan Presiden Fidel V Ramos pada 2 Sept lepas, para pelabur wilayah-wilayah Filipina yang lain, di samping Malaysia, Korea Selatan, Jepun, Amerika Syarikat, Sepanyol, Itali, Perancis dan Jerman mula datang bertumpu melabur di wilayah itu.

Beliau dijadual akan mengadakan lawatan ke negara-negara berkenaan sebagai sebahagian daripada rancangannya menarik para pelabur untuk membawa kemajuan ekonomi dan sosial kepada Mindanao.

Sebagai contoh, sebuah konsortium Sepanyol akan membina satu sistem jalan keretapi di Mindanao yang mereka katakan sebagai antara yang termoden di dunia.

"Saya memberitahu mereka bahawa saya mahukan yang terbaik bagi menebus kembali kesengsaraan yang kami alami selama bertahun-tahun sebelum ini," kata beliau yang turut menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam.

Nur Misuari, yang juga pengerusi Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro berkata semasa peperangan menentang kerajaan Filipina itu, kebanyakan rakyat wilayah itu hanya makan sekali sehari.

Beliau berkata: "Saya mahu supaya mereka melupakan sejarah silam itu dan memandang ke arah masa depan yang cerah.

"Saya mahu menghapuskan segala kesan peperangan di Mindanao. Kini, tercapainya perdamaian, kami akan berusaha untuk mengubah semula masyarakat kami."

Satu daripada matlamat Nur Misuari ialah menyediakan satu sistem telefon untuk setiap kampung di Mindanao.

Sambil menyatakan kekaguman beliau terhadap sikap dinamik Dr Mahathir dalam membawa pembangunan pesat di Malaysia, Nur Misuari berkata beliau juga memberikan keutamaan kepada pembinaan hotel-hotel bertaraf empat dan

lima bintang sebagai memenuhi permintaan yang dijangka bertambah dengan meningkatnya jumlah kemasukan ahli-ahli perniagaan dan para pelancong ke wilayah autonomi itu.

Sehubungan itu, beliau bercadang mewujudkan hubungan dengan syarikat-syarikat penerbangan di rantau ini serta membeli pesawat besar seperti Airbus A330 atau Boeing 747 di samping membina lebih banyak lapangan terbang dan pelabuhan di wilayah berkenaan.

Nur Misuari turut yakin bahawa galakan pelaburan yang disediakan serta kekayaan sumber semula jadi yang dimiliki Mindanao, khususnya bahan galian dan kawasan yang masih belum dimajukan akan berupaya membawa pembangunan di wilayah itu.

Ketika diminta mengulas kejadian pertempuran kecil yang masih berlaku di Mindanao, beliau berkata ia disebabkan oleh beberapa buah kumpulan gerila yang menentang perjanjian damai antara MNLF dan Ramos.

Katanya kes itu tidak serius dan Presiden Ramos telah mengarahkan supaya masalah itu diselesaikan dengan segera. -- BERNAMA.

SHY MZ RON